

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' SHAMSUL ANUAR BIN HAJI
NASARAH [LENGGONG]**

SOALAN :

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong] minta PERDANA
MENTERI menyatakan status cadangan Projek Lenggong Agrovalley yang
dicadangkan di kawasan Parlimen Lenggong.**

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) telah mengadakan perbincangan bersama wakil daripada Unit Perancang Ekonomi Negeri Perak (UPEN Perak), Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA), Jabatan Pertanian (DOA), Jabatan Perikanan (DOF), Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS), Pejabat Tanah Daerah Lenggong, Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (SADC) serta YB Parlimen Lenggong sendiri pada 28 Ogos 2014.

2. Hasil perbincangan tersebut, UPE, JPM difahamkan bahawa cadangan pembangunan Lenggong Agrovalley adalah masih di peringkat perancangan awal. Sehubungan itu, UPEN Perak telah diminta untuk menyelaras perbincangan lanjut dengan SADC, MOA, DOA, DOF dan DVS bagi menyediakan kertas cadangan yang lengkap yang mengandungi maklumat berikut:

- (i) konsep pembangunan Lenggong Agrovalley secara menyeluruh;
- (ii) komponen bagi setiap fasa yang dicadangkan berdasarkan keutamaan; dan

(iii) kos keseluruhan projek serta menyatakan komitmen dan tanggungan pihak Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Pihak Swasta termasuk SADC.

3. Sehubungan itu, bagi membolehkan cadangan Projek Lenggong Agrovalley diberi pertimbangan sewajarnya dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), pihak UPEN Perak hendaklah mengemukakan permohonan melalui MOA untuk diselaraskan dan dimuktamadkan bagi tujuan penghantaran senarai projek RMKe-11. Pemilihan projek pembangunan adalah berdasarkan indeks kreativiti dan impak terhadap pertumbuhan sektor pertanian dan pendapatan petani serta kemampuan kewangan Kerajaan.

Sekian, terima kasih.